

NAMA : _____

KELAS : _____

REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TAHUN 5 (UNIT 3 :REKA BENTUK PENGATURCARAAN)
ASAS PENGATURCARAAN PSEUDOKOD

NOTA RINGKAS

1. Pada pengajaran yang lalu, kita telah mempelajari asas pengaturcaraan 'Carta Alir'. Pada hari ini, kita akan mempelajari tentang asas pengaturcaraan 'Pseudokod'.
2. Asas bagi kedua-dua jenis pengaturcaraan ini lebih kurang sama, tetapi '**Carta Alir**' menggunakan **Simbol**, manakala '**Pseudokod**' menggunakan **perkataan**. Gambarajah dibawah menunjukkan perbezaan antara kedua-dua pengaturcaraan ini.



3. Ia terdiri daripada 3 jenis kawalan yang sama iaitu:-
 - a. Kawalan Jujukan/Pilihan Tunggal
 - b. Kawalan Pilihan (2 atau lebih pilihan)
 - c. Kawalan Ulangan
4. Struktur kawalan merupakan asas bagi pembinaan bahasa komputer ia dibezakan dengan beberapa bahagian. Bahagian tersebut boleh dilihat melalui gambarajah dibawah :-

STRUKTUR KAWALAN	PERKATAAN YANG DIGUNAKAN
KAWALAN JUJUKAN/PILIHAN TUNGGAL	<ul style="list-style-type: none">• ARAHAN YANG DIGUNAKAN ADALAH SECARA TERUS TANPA ADA PERKATAAN UNTUK DIPILIH.
KAWALAN PILIHAN	PERKATAAN YANG DIGUNAKAN ADALAH :- <ul style="list-style-type: none">• JIKA(IF)
KAWALAN ULANGAN	PERKATAAN YANG DIGUNAKAN ADALAH :- <ul style="list-style-type: none">• UNTUK(FOR)• SELAGI(WHILE)• ULANG SEHINGGA(REPEAT-UNTIL)

JAWAB SOALAN DIBAWAH. PADANKAN JAWAPAN YANG BETUL.
LIHAT AYAT YANG DIGUNAKAN DALAM PENGATURCARAAN 'PSEUDOKOD'

STRUKTUR KAWALAN
JUJUKAN/PILIHAN TUNGGAL

STRUKTUR KAWALAN PILIHAN

STRUKTUR KAWALAN ULANGAN

PSEUDOKOD 1

MULA

BUKA paip air

CUCI ayam yang telah dipotong

SELAGI belum bersih **CUCI**

ayam lagi **TAMAT SELAGI**

TAMAT

PSEUDOKOD 2

MULA

MASUKKAN duit syiling **PILIH**

minuman tin kegemarannya **AMBIL** tin

minuman

JIKA ada baki wang, **MAKA**

AMBIL baki

TAMAT JIKA

TAMAT

PSEUDOKOD 3

MULA

PANASKAN minyak masak

PECAHKAN telur

MASUKKAN telur ke dalam kuali

BALIKKAN telur supaya masak sekata

ANGKAT telur yang telah masak

TAMAT